

GARISPANDUAN PENGURUSAN HARTA MAJLIS JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA

Pengurusan Harta Majlis

1. Pengeluaran no. patil bangunan dan pindahmilik harta-harta yang disyaratkan di dalam Pelan Kebenaran Merancang :
 - i. Pengeluaran no. patil bangunan dan surat sokongan untuk mendapat Sijil Kelayakan Menduduki tidak akan dikeluarkan sehingga semua harta-harta yang disyaratkan di dalam Pelan Kebenaran Merancang untuk diserahkan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dilaksanakan.
2. Kelonggaran akan diberi jika terdapat sebab-sebab yang munasabah antaranya:-
 - i. Pemaju masih mempunyai fasa berikutnya.
 - ii. Hakmilik harta belum dikeluarkan.
 - iii. Instrumen pindahmilik tidak dapat disempurnakan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.
 - iv. Senarai nama pembeli bagi tujuan kadar taksiran.

Dalam keadaan tersebut deposit boleh diterima sebagai jaminan tindakan memindahmilik akan dilaksanakan secepat mungkin. Pemaju juga dikehendaki menyertakan surat akujanji pindahmilik tapak-tapak kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai.

3. Dasar Tanah Lapang

Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-52 bertarikh 11 Oktober 2004 telah memutuskan bahawa tanah-tanah yang dikategorikan sebagai tanah lapang tidak dibenarkan untuk kegunaan lain dan dikekalkan sebagai tanah lapang.